

Jumlah mangsa banjir terus menurun

Hanya Sabah dan Kelantan catat mangsa banjir melebihi 1,500 orang

Oleh **MOHAMMAD KHAIRIL ASHRAF MOHD KHALID SHAH ALAM**

Jumlah keseluruhan mangsa banjir di lima buah negeri terus mencatatkan penurunan kepada 3,499 orang melibatkan 975 keluarga setakat jam 4 petang, Isnin.

Menurut Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma), Sabah mencatatkan jumlah mangsa banjir tertinggi di mana melibatkan 1,647 mangsa daripada 371 keluarga dan

sebanyak 10 pusat pemindahan sementara (PPS) dibuka melibatkan empat daerah di negeri berkenaan.

Kelantan pula mencatatkan jumlah 1,511 mangsa melibatkan 515 keluarga yang mana mereka ditempatkan di enam buah PPS di dua buah daerah.

Di Sarawak, jumlah mangsa banjir masih tidak berubah iaitu 84 orang daripada 27 keluarga melibatkan satu PPS di sebuah daerah.

Manakala di Terengganu, dua buah PPS masih dibuka menempatkan 138 mangsa banjir daripada 41 keluarga.

Di Perak, 62 mangsa banjir daripada 14 keluarga ditempatkan di sebuah PPS.

Jumlah mangsa banjir terus mencatatkan penurunan kepada 3,499 orang setakat jam 4 petang Isnin.



LAPORAN TERKINI KEJADIAN BENCANA DI SELURUH NEGARA

(Pada jam 4:00 PM, 26 Disember 2022)

PERAK
DAERAH : 1
KELUARGA : 14
MANGSA : 62

KELANTAN
DAERAH : 2
KELUARGA : 515
MANGSA : 1,551

TERENGGANU
DAERAH : 1
KELUARGA : 41
MANGSA : 138

SABAH
DAERAH : 4
KELUARGA : 371
MANGSA : 1,647

SARAWAK
DAERAH : 1
KELUARGA : 34
MANGSA : 141

INDIKATOR

- 1 - 499 Mangsa
- 500 - 999 Mangsa
- Melebihi 1,000 Mangsa



MAKLUMAT KESELURUHAN MANGSA DAN KELUARGA

Bil. Keluarga Keseluruhan	: 975	Bil. Keseluruhan Negeri	: 5 Negeri
Bil. Mangsa Keseluruhan	: 3,499	Bil. Keseluruhan Daerah	: 9 Daerah Aktif